

Tadbir Urus Percukaian Korporat: Pematuhan cukai lebih telus dan bertanggungjawab

Inisiatif HASiL galak syarikat urus risiko cukai lebih sistematik bagi perkukuh integriti, keyakinan pelabur

Dalam landskap ekonomi yang semakin kompleks dan mencabar, aspek tadbir urus korporat menjadi antara elemen penting dalam memastikan kelangsungan serta kredibiliti sesebuah organisasi.

Seiring dengan perkembangan itu, pengurusan percukaian juga tidak lagi dilihat sekadar sebagai kewajipan pematuhan kepada undang-undang, malah berkembang sebagai salah satu indikator integriti dan akauntabiliti sesebuah syarikat.

Atas keperluan itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) memperkenalkan Program Tadbir Urus Percukaian Korporat atau *Tax Corporate Governance* (TCG) sebagai satu pendekatan strategik ke arah pematuhan cukai yang lebih telus, sistematik dan mampan.

Secara ringkasnya, TCG adalah satu inisiatif yang menggalakkan syarikat mengurus hal ehwal percukaian mereka secara lebih tersusun dan berasaskan risiko.

Melalui program ini, syarikat digalakkan membangunkan rangka kerja tadbir urus percukaian yang jelas bagi mengenal pasti, menilai serta mengurus risiko cukai secara lebih berkesan.

Pendekatan ini sekali gus membantu organisasi beralih daripada pengurusan cukai secara reaktif kepada pendekatan yang lebih proaktif dan strategik.

Apa yang membezakan TCG dengan pendekatan pematuhan tradisional ialah penekanannya terhadap kerjasama dan kepercayaan antara HASiL dan pembayar cukai.

Dalam konteks ini, hubungan antara pihak berkuasa cukai dan organisasi tidak lagi tertumpu semata-mata kepada aspek penguatkuasaan, sebaliknya bergerak ke arah pembabitan yang lebih kolaboratif.

Pendekatan itu dilihat mampu mewujudkan suasana pematu-

han yang lebih kondusif serta meningkatkan keyakinan kedua-dua pihak dalam pengurusan percukaian.

Kini, tadbir urus percukaian semakin mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk pelabur, pengawal selia dan masyarakat umum.

Mereka bukan sahaja ingin mengetahui prestasi kewangan sesebuah organisasi, tetapi turut menilai sejauh mana syarikat mengurus tanggungjawab percukaian secara telus dan bertanggungjawab.

Dalam era penilaian *Environment, Sosial and Governance* (ESG), aspek percukaian juga dilihat berkait rapat dengan komponen tadbir urus yang mencerminkan tahap integriti sesebuah organisasi.

Pelaksanaan TCG memberi pelbagai nilai strategik kepada organisasi yang terbabit.

Antaranya termasuk keupayaan mengurus risiko cukai secara lebih sistematik, memastikan pematuhan yang konsisten terhadap undang-undang percukaian serta meningkatkan keyakinan pihak pengurusan dan pelabur.

Kenal pasti isu percukaian

Dengan adanya rangka kerja yang lebih jelas, syarikat dapat mengenal pasti isu percukaian lebih awal sebelum ia berkembang menjadi pertikaian atau risiko ketidakpatuhan lebih besar.

Selain itu, TCG juga membantu meningkatkan kecekapan operasi sesebuah organisasi.

Kawalan percukaian dapat diintegrasikan terus ke dalam proses operasi harian syarikat melalui penggunaan sistem digital dan dokumentasi yang lebih tersusun.

Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan risiko kesilapan, malah mempercepatkan proses



Penggunaan sistem digital dan dokumentasi yang lebih tersusun mengurangkan risiko kesilapan, malah mempercepatkan proses semakan dan pemantauan dalaman.

semakan dan pemantauan dalaman.

Bagi memperkukuhkan keberkesanan program ini, HASiL telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan penting dalam pelaksanaan TCG.

Antaranya ialah semakan tahunan secara automatik yang menggantikan semakan manual sebelum ini.

Pendekatan baharu ini menggunakan analisis risiko berasaskan data bagi menentukan kelayakan berterusan peserta program.

Langkah berkenaan dapat mengurangkan beban kos dan penadbiran syarikat di samping membolehkan HASiL memantau risiko dengan lebih cekap dan efektif.

Selain itu, kriteria kelayakan program juga telah diperluaskan. Kini, Syarikat Pegangan Pelaburan atau Investment Holding Companies (IHC) turut layak me-

nyertai program ini bersama anak syarikat atau syarikat bersekutu mereka.

Perluasan ini membolehkan pelaksanaan tadbir urus percukaian dilakukan secara lebih menyeluruh di peringkat kumpulan syarikat.

Satu lagi perkembangan penting ialah pengenalan fasa pemantauan yang mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2025.

Dalam tempoh pemantauan selama tiga tahun, syarikat peserta akan berinteraksi dengan HASiL apabila diperlukan.

Peserta juga dikehendaki membuat pendedahan secara proaktif terhadap transaksi material yang signifikan secara masa nyata.

Pendekatan ini membolehkan isu percukaian dikenal pasti dan ditangani lebih awal sebelum berkembang menjadi risiko yang lebih besar.

Di samping itu, mesyuarat risiko tahunan turut diperkenalkan bagi membolehkan perbin-

cangan berkaitan risiko percukaian dan keberkesanan rangka kerja tadbir urus dilakukan secara lebih tersusun.

Penambahbaikan ini mencerminkan komitmen HASiL dalam membangunkan ekosistem percukaian yang lebih moden, cekap dan dipercayai.

Secara strategiknya, program TCG juga berfungsi sebagai satu mekanisme penapisan atau 'TCG filter' bagi membezakan syarikat yang mempunyai tahap pematuhan tinggi dengan pembayar cukai yang memerlukan perhatian kawal selia yang lebih rapi.

Syarikat yang menunjukkan tadbir urus percukaian kukuh dan telus berpotensi menikmati proses lebih lancar, kepastian peraturan yang lebih baik serta peningkatan reputasi korporat di mata pelabur dan pihak berkepentingan.

Secara keseluruhannya, Program Tadbir Urus Percukaian Korporat bukan sekadar satu rangka pematuhan, tetapi satu pelaburan strategik ke arah pembentukan budaya percukaian yang mampan dan berintegriti.

Dengan hala tuju yang jelas sehingga tahun 2030, HASiL terus komited memperkukuhkan pelaksanaan TCG sebagai penanda aras nasional kepada amalan percukaian yang telus, adil dan dipercayai.

Melalui kerjasama erat antara pihak berkuasa dan pembayar cukai, ekosistem percukaian negara yang lebih cekap dan berdaya tahan dapat direalisasikan demi kepentingan semua pihak.

